



Ruj Kami : Bil. (62) PTG.NS 10/17
Tarikh : 20 Oktober 2009

Pentadbir Tanah Daerah

Seremban
Port Dickson
Tampin
Kuala Pilah
Rembau
Jejebu
Jempol

Timbalan Pentadbir Tanah
Daerah Kecil Gemas

Y.Bhg. Dato' / Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN 9/2009.

KADAR PREMIUM BAGI PEMBERIMILIKAN SEMULA TANAH YANG TELAH DILUCUTHAK AKIBAT KEGAGALAN MENJELASKAN BAYARAN CUKAI TANAH

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pentadbiran Tanah Negeri Sembilan sedia maklum bahawa terdapat tanah-tanah milik yang telah dilucuthak akibat kegagalan pemilik tanah asal menjelaskan bayaran cukai tanah sepertimana yang dituntut dalam Notis 6A mengikut seksyen 97 Kanun Tanah Negara 1965.
3. Subseksyen (3) seksyen 133 Kanun Tanah Negara 1965 meperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh memberi milik semula tanah yang telah dirampas tersebut kepada tuanpunya terdahulu pada bila-bila masa dengan syarat kelulusan dan terma yang difikirkan wajar sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (2) seksyen 79.
4. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan pelarasan, kadar premium yang perlu dikenakan bagi tujuan pemberimilikan semula tanah tersebut adalah **enam (6) kali ganda jumlah bayaran yang dituntut dalam Notis 6A. Tiada sebarang denda premium perlu dikenakan** memandangkan ini adalah kes pemberimilikan semula tanah yang telah dilucuthak, dan bukannya pemberimilikan bagi tanah yang telah diceroboh.

5. Y.Bhg. Dato' / Tuan dipohon agar memastikan syor dalam Kertas Risalat, Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah selaras dengan Arahan ini bagi memastikan tidak timbul kekeliruan pada mana-mana pihak kelak.

6. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta-merta.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah.



(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

s.k Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan

YB. Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan

YB. Penasihat Undang-Undang Negeri, Negeri Sembilan

YB. Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan

Edaran Dalaman

Timbalan Pengarah (Pg)

Timbalan Pengarah (Pd)

Penolong Pengarah (P/HM)

Penolong Pengarah (HM/S)

Penolong Pengarah (H)

Penolong Pengarah (P)

Penolong Pengarah (PT)

Penolong Pengarah (TM)

Penolong Pengarah (U)